



KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA JANA LEBIH RM1.5 BILION POTENSI PERDAGANGAN DAN PELABURAN INOVASI MAMPAN DI EKSPLO OSAKA 2025

OSAKA, JEPUN, 17 September 2025 – Secara keseluruhan, Malaysia telah menjana lebih RM 1.5 bilion dalam potensi perdagangan dan pelaburan inovasi mampan di Ekspo 2025 Osaka, yang diketuai bersama oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) serta Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Jumlah ini diperolehi melalui 68 perjanjian kerjasama dengan organisasi dari pelbagai negara dalam sektor tenaga, air dan teknologi hijau.

Ini termasuk RM 38.74 juta melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Kerjasama dan Surat Niat. Angka ini dijangka akan terus meningkat memandangkan beberapa syarikat masih belum mendedahkan potensi kerjasama mereka pada peringkat ini.

Penyertaan Malaysia dalam Minggu ke-22 menyerlahkan komitmen negara terhadap pemuliharaan alam sekitar, pemeliharaan biodiversiti, penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan pengurusan air.

Ia turut memperkukuh aspirasi Malaysia MADANI dengan mengetengahkan pencapaian negara dalam pembangunan mampan menerusi pameran di Sudut Tematik serta siri ceramah mini oleh syarikat dan wakil kementerian.

Sepanjang minggu tersebut, Pavilion Malaysia menonjolkan visi berani negara ke arah masa depan rendah karbon dan berdaya tahan iklim, memperlihatkan kepimpinan dalam peralihan tenaga, transformasi air dan teknologi hijau.

Turut menampilkan forum perniagaan berprofil tinggi, pameran teknologi dan sesi perkongsian ilmu yang mengukuhkan peranan Malaysia sebagai rakan global dalam memacu kelestarian dan inovasi.

Penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka telah mengukuhkan hubungan dengan pihak berkepentingan antarabangsa, pemimpin industri dan masyarakat sivil, menjadikan Pavilion Malaysia sebagai pusat dialog, pelaburan dan kerjasama. Ia mencerminkan peranan aktif Malaysia dalam membentuk masa depan global yang mampan.

Program ini melabuhkan tirainya dengan majlis penutup dan tayangan filem bertemakan alam sekitar bertajuk *'Footprints in the Forest'*, yang menyeru kepada perlindungan hutan, hidupan liar dan ekosistem kita – sekali gus menjadi peringatan tepat pada masanya serta tindakan susulan untuk menutup rangkaian penglibatan sepanjang minggu.

- TAMAT -

Tentang Pavilion Malaysia di Ekspo Osaka 2025

Pavilion Malaysia di Ekspo 2025 Osaka meliputi keluasan 2,654.52 meter persegi merentasi tiga tingkat, mencerminkan kepelbagaian budaya dan dinamik ekonomi negara. Reka bentuk pavilion ini diinspirasi oleh tradisi anyaman Malaysia dan songket ikonik, melambangkan warisan yang terjalin dengan inovasi. Dengan tema "Menganyam Masa Depan Dalam Harmoni", Pavilion ini menyerlahkan komitmen Malaysia terhadap masa depan yang lestari, inklusif dan berpandangan jauh.

Sepanjang tempoh 26 minggu, Pavilion ini menjadi hab bagi kerjasama dan dialog antarabangsa. Minggu perniagaan melibatkan penyertaan 21 kementerian, 70 agensi dan 10 kerajaan negeri, dengan pelbagai program termasuk pameran, pelancaran produk, pemeteraian MoU dan sesi padanan perniagaan. Pavilion ini juga menjadi tuan rumah kepada forum, sidang kemuncak dan acara jaringan strategik yang menampilkan Malaysia sebagai rakan global yang dinamik. Untuk maklumat lanjut mengenai Pavilion Malaysia dan program-programnya, sila layari laman rasmi di: <https://expo2025-malaysia.miti.gov.my>

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noreha Mohd Ripin
noreha@petra.gov.my

Noor Farisha Zainol Abidin
farisha@mgtc.gov.my



